



Syak ibu suntik botoks

Soalan

SAYA dilahirkan di kota tetapi masih menjunjung kehidupan tradisi. Sebagai anak saya sayang ibu bapa.

Mereka bekerja, memegang jawatan penting dan dihormati. Malah saya ialah mengenai ibu yang saya rasa pelik perangnya.

Ibu saya isteri kedua ayah dan beza umur antara ibu dengan madunya hampir sama iaitu akhir 50-an.

Sepatutnya, dengan usia begitu, dia perlulah lebih bijak menjaga penampilan dan berperwatakan seperti usianya namun yang berlaku sebaliknya. Ibu ingin kelihatan muda malah sanggup mengubah wajahnya.

Ibu marah apabila saya mempersoalkan tindakannya. Saya mengesyaki ibu menggunakan botoks untuk menegangkan kulit wajahnya.

Saya bingung mengapa ibu mesti mahu bergaya dan kelihatan cantik serta memakai botoks.

Adakah kerana ibu takut dengan kedut di mukanya hingga sanggup berbuat demikian?

Saya ingin pandangan Dr mengapa orang ingin sentiasa cantik? Mengapa perlu menyuntik botoks atau pembedahan plastik sehingga tidak takut halal dan haram?

Jawapan

DR menghormati pandangan adik kerana sebaiknya dikekalkan wajah mengikut usia, tanpa usaha menyuntik botoks atau pembedahan plastik.

Hamka bermadah: "Kecantikan yang abadi terletak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaiannya."

Dalam kertas kerja bertajuk 'Pembedahan Kosmetik Menurut Perspektif Islam' pada Seminar Kebangsaan Produk Halal 2006 anjuran Sekretariat Falsafah, Universiti Sains Malaysia (USM) oleh dua pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), ada diterangkan mengenai hukum penggunaan botoks. Adik boleh layari laman web (<http://hikmatun.wordpress.com/2007/01/01/suntikan-botoks-haram/>) untuk maklumat lanjut.

Menjawab persoalan adik mengapa orang ingin jadi cantik, seperti ibu adik, setiap individu mempunyai sebab tersendiri mengubah wajahnya.

Secara alami, setiap manusia mahu kelihatan cantik. Pelbagai cara digunakan untuk tujuan itu termasuk menyuntik botoks atau pembedahan plastik.

Kecantikan secara fizikal juga boleh dizahirkan melalui pakaian cantik, gaya rambut dan alat solek.

Kecantikan dikaitkan dengan inginkan perhatian dan kuasa.

Orang cantik ingin sentiasa dilihat dan meninggalkan

ekspresi orang yang melihat. Otak manusia selalu tertarik dengan perkara yang cantik.

Secara automatiknya, otak akan membuat penyesuaian dan membuat pemilihan secara separa sedar berdasarkan kecantikan fizikal individu.

Lazimnya, individu ingin diingati sebagai seorang yang cantik daripada hodoh. Orang yang paling diingati ialah sama ada orang itu cantik atau hodoh, bukan berwajah di tengah-tengah antara cantik dan hodoh.

Orang cantik menarik perhatian ramai, mempunyai lebih ramai peminat dan pendengar. Kecantikan adalah kuasa. Melalui kecantikan, individu akan mempunyai lebih banyak peluang dalam banyak perkara.

Bagi sesetengah individu, keperluan untuk bersama-sama dan berkomunikasi dengan orang lain lebih tinggi dan individu jenis ini akan cuba untuk kelihatan melalui pembedahan plastik atau botoks.

Bagaimanapun, tidak semua orang membuat pembedahan plastik semata-mata untuk kelihatan cantik.

Ada yang melakukannya untuk merawat kecacatan wajah. Apa pun, manusia tetap manusia atas apa saja pilihan yang mereka buat. Pepatah mengatakan 'Dengan hatilah seseorang itu melihat dengan betul, apa yang penting tidak dapat dilihat dengan mata.'